

1979

IPOH, 1 JULAI (BERNAMA)—SEBARANG PERNIAGAAN SECARA ALI BABA HENDAKLAH DIUSAHAKAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DENGAN KEDUA-DUA PIHAK MENGELUARKAN MODAL DAN BEKERJASAMA DALAM SEMUA ASPEK PERNIAGAAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MENGHALANG PERNIAGAAN SEUMPAMA ITU ASALKAN KAUM BUMIPUTERA MENDAPAT PENGETAHUAN YANG SEBENARNYA DI BIDANG PERNIAGAAN.

+TIDAK SALAH BAGI BUMIPUTERA BEKERJA SAMA DENGAN ORANG-ORANG CINA, INDIA DAN KAUM-KAUM LAIN. CUMA YANG PENTING IALAH MEREKA SENDIRI MESTI MENGELUARKAN MODAL DAN SAMA BEKERJA DENGAN KAUM YANG LAIN ITU DALAM BIDANG PERNIAGAAN, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BAGAIMANAPUN MINGGATKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MAHU NAMA BUMIPUTERA DISALAHGUNAKAN UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN KERANA PERBUATAN SERUPA ITU BOLEH MENGGAGALKAN USAHA KERAJAAN MENCAPAI MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN PERAK DI SINI BELIAU YAKIN MATLAMAT-MATLAMAT ITU AKAN DAPAT DICAPAI DENGAN ADANYA KERJASAMA SEMUA PIHAK, MENJELANG TAHUN 1990. —BERSAMBUNG 1644/MD

EE

B560

MAHATHIR 2 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KONSEP ALI BABA DALAM PERNIAGAAN HENDAKLAH DIFAHAMI BETUL-BETUL OLEH SEMUA PIHAK KERANA +TERDAPAT JUGA ALI BABA (ATAU ALI DAN PAPA) YANG BAIK DAN TIDAK BAIK, +

BELIAU MINGGATKAN BUMIPUTERA BAHAWA PERNIAGAAN ADALAH SATU BIDANG YANG BANYAK HALANGANNYA; TIDAK SEMUDAH YANG DIBENTANGKAN DALAM KERTAS-KERJA, MALAH MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENCEBURKAN DIRI DI BIDANG ITU HANYA KERANA SERUAN KERAJAAN.

KATANYA, APA YANG PENTING KEPADA KERAJAAN IALAH KEJAYAAN SESEORANG ITU DAN JUMLAH YANG PERJAYA ITU AKAN MENJADI KEJAYAAN KEPADA NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN PARA PENIAGA BAHAWA MEREKA BUKAN SAHAJA MEMERLUKAN FAHAMAN DARI KAUM LAIN TETAPI JUGA DARI KAUM SENDIRI.

MENGENAI A.P. (APPROVED PERMIT TO IMPORT) BELIAU BERKATA KEUTAMAAN HANYA DIBERIKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMPUNYAI MODAL BERBAYAR YANG BESAR DARI SYARIKAT-SYARIKAT KECIL, WALAUPUN SYARIKAT ITU SERATUS PERATUS BUMIPUTERA. —BERSAMBUNG.

MAHATHIR 3 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP PARA PENIAGA BUMIPUTERA BERUSAHA MEMASTIKAN PERNIAGAAN MEREKA JUGA MENARIK PELANGGAN KAYA DAN DARI BUKAN BUMIPUTERA.

KATANYA ADA TERDAPAT SYARIKAT YANG DIMILIKI 100 PERATUS OLEH BUKAN BUMIPUTERA TETAPI NAMA SYARIKAT BERBUNYI MELAYU. +INI ADALAH UNTUK MENARIK PELANGGAN BUMIPUTERA, +

ANTARA YANG HADIR DI MAJLIS ITU IALAH SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK, HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, TIMBALAN YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, SENATOR DATUK SULAIMAN NINAM SHAH, DAN WAKIL MENTERI BESAR, AHLI EXCO ENCIK ABDUL MALIK AHMAD. —BERNAMA 1650/MD